

# MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT DAN PENYERAHAN CEK BANTUAN TABUNG SEJAMBAK KASIH ATM

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5520-majlis-pemakaian-pangkat-dan-penyERAHAN-cek-bantuan-tabung-sejambak-kasih-atm](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5520-majlis-pemakaian-pangkat-dan-penyERAHAN-cek-bantuan-tabung-sejambak-kasih-atm)

KUANTAN, 16 Okt 19 – Pangkalan Udara Kuantan telah mengadakan Majlis Pemakaian Pangkat kepada 12 orang anggota pangkalan di Bangunan Pergerakan Udara Pangkalan.

Majlis yang disempurnakan oleh Komander Pangkalan, Brig Jen Mohd Fadzil bin Mohd Diah TUDM ini menyaksikan seramai 5 orang PW U II dinaikkan ke pangkat PW U I dan tujuh orang FSjn dinaikkan ke pangkat Pemangku PW U II.

Dalam majlis yang sama, Komander Pangkalan turut menyampaikan penyerahan cek bantuan Tabung Sejambak Kasih ATM kepada Sjn U Shahril Huzaurei bin Roszaimi yang mempunyai anak menghidap penyakit kronik.

